

09/11/2000

Punca Dong Jiao Zhong buat bantahan

KUALA LUMPUR, Rabu - Kekurangan tenaga pengajar Cina yang ketara di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) adalah satu daripada faktor menyebabkan Dong Jiao Zhong membantah pelaksanaan program Sekolah Wawasan.

Penasihatnya, Datuk Sim Mou Yu ketika dihubungi hari ini berkata, pelaksanaan Sekolah Wawasan akan menyebabkan identiti SRJKC hilang secara beransur-ansur kerana semakin ramai guru bukan Cina akan mengajar di sekolah itu.

Beliau berkata, jika semakin ramai guru Melayu mengajar di SRJKC, lama-kelamaan kurikulum setiap mata pelajaran akan ditukar kepada bahasa Melayu.

"Satu-satunya cara untuk memastikan identiti SRJKC dalam Sekolah Wawasan terjamin ialah melatih lebih ramai guru Cina untuk mengajar dalam bahasa Cina kerana kita masih kekurangan 4,000 guru Cina sekarang," katanya.

Sim berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, semalam yang menyifatkan bantahan Dong Jiao Zhong mencerminkan mereka tidak ikhlas untuk memupuk perpaduan dan pembentukan negara di kalangan generasi muda.

"Masyarakat harus memahami sebab sebenar Dong Jiao Zhong menolak pelaksanaan Sekolah Wawasan. Kita bukannya membantah dengan sesuka hati sahaja," katanya.

Semalam, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim mengumumkan secara rasmi kepada media massa di Parlimen berhubung garis panduan Sekolah Wawasan yang diserahkan kepada Dong Jiao Zhong, MCA, Gerakan dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM) pada 22 September lalu.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan bantahan Dong Jiao Zhong terhadap konsep Sekolah Wawasan sedangkan generasi muda pelbagai kaum di negara ini perlu didedahkan kepada semangat perkongsian bagi mengekalkan kehidupan yang harmoni.

(END)